

# Penolong pegawai tanah di Johor sangkut lagi kes rasuah

BH, 10/1/2017 ms. 22

**Kuala Lumpur:** Seorang penolong pegawai tanah di Pejabat Tanah Daerah Johor Bahru, Johor, sekali lagi ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki menerima suapan RM150,000 daripada seorang pemilik syarikat yang sering berurusan dengan jabatan kerajaan itu.

Suspek yang berusia 56 tahun, ditahan di Pejabat SPRM Johor, semalam, kerana disyaki menerima rasuah kononnya berbentuk 'pinjaman' kepadanya dalam urusan permohonan dan pembayaran permit kerja mengambil tanah.

## Disyaki guna nama anak

Sumber memberitahu, siasatan SPRM mendapati suspek juga menjalankan urusan niaga jual beli tanah dan menggunakan nama anaknya untuk dijadikan proksi bagi pelaburan tanah berstatus rizab Melayu bersama pemilik syarikat yang bukan Melayu.

"Hasil daripada proses jual beli itu, suspek menerima keuntungan tidak kurang daripada RM100,000 apabila tanah itu dibeli," kata sumber berkenaan.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki, ketika dihubungi mengesahkan tangkapan itu.

Katanya, suspek dijangka dituduh di mahkamah hari ini.

November lalu, SPRM menyiasat suspek mengikut Seksyen 23 Akta SPRM 2009 kerana disyaki menggunakan kedudukannya untuk mengambil tindakan berkaitan hal ehwal pejabat tanah daerah bagi memperoleh tanah, selain memperoleh tanah secara pindah milik.

Malah, SPRM turut mengesahkan lelaki itu memiliki beberapa lot tanah pertanian lebih 30 hektar, 27 hektar tanah usaha, tanah rumah kediaman dan kediaman mewah di beberapa daerah di Johor.

**Fakta nombor**

**RM150,000**

**SUAPAN**

disyaki diterima daripada seorang pemilik syarikat

**RM100,000**

**UNTUNG**

diterima suspek hasil jual beli tanah berstatus rizab Melayu